

## **SYARAT-SYARAT KHAS LESEN PREMIS MAKANAN**

### **1. PENGENDALI MAKANAN**

- a) Pengendali makanan hendaklah mendapatkan pemeriksaan pegawai perubatan dan suntikan TY2 untuk layak mengendali makanan.
- b) Pengendali makanan hendaklah menghadiri Kursus Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Majlis.
- c) Semua pengendali makanan diwajibkan memakai apron yang berwarna cerah dan penutup kepala yang bersih.
- d) Setiap pengendali makanan dilarang:-
  - Berkuku panjang dan kotor
  - Merokok semasa mengendali makanan
  - Memakai selipar dan sandal
  - Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan (Hendaklah menggunakan sarung tangan dan peralatan yang sesuai)

### **2. RUANG MAKAN**

- a) Lantai ruang makan hendaklah disudahi dengan jubin yang sempurna dan jubin dinding hendaklah sekurang-kurangnya 1.5 meter dari lantai.
- b) Menyediakan sinki dan bahan pencuci tangan yang mencukupi untuk kemudahan pelanggan.

### **3. RUANG DAPUR**

- a) Menyediakan tempat penyediaan makanan yang mencukupi dan sentiasa dalam keadaan bersih.
- b) Mengadakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai (*Chiller*- 0° C hingga 4°C dan *Freezer* -0°C hingga -18°C). Makanan mentah atau yang belum dimasak hendaklah diletakkan berasingan daripada makanan yang telah dimasak. (Makanan masak di ruang atas dan makanan mentah di ruang bawah peti sejuk)

- c) Mengadakan cerobong asap dan/ atau kipas hawa panas di tempat-tempat memasak makanan.
- d) Semua barang-barang atau peralatan dan bahan-bahan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih. Dilarang meletakkan barang makanan di atas lantai.
- e) Mengadakan perangkap minyak atau lemak di sinki dan tempat membasuh peralatan penyediaan makanan.
- f) Dinding dan lantai dapur, tempat penyediaan makanan hendaklah disudahi dengan jubin yang sempurna sehingga siling dapur.
- g) Menyediakan sinki (sekurang-kurangnya 2 unit) untuk mencuci peralatan penyediaan makanan. Dilarang sama sekali mencuci peralatan penyediaan bahan pencuci yang mencukupi dan sesuai.
- h) Tandas hendaklah disudahi dengan jubin dan sentiasa bersih serta menyediakan bahan pencuci yang mencukupi dan sesuai.

#### **4. STOR PENYIMPANAN**

- a) Semua barang-barang atau peralatan dan bahan-bahan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih serta diletak atau disimpan di atas rak, cabinet atau meja yang sempurna yang diperbuat daripada kayu, keluli, jubin, kaca dan sebagainya. Dilarang meletak makanan di atas lantai.

#### **5. Lain-Lain**

- a) Makanan yang telah dimasak hendaklah sentiasa bertutup dan bebas dari urungan serangga seperti lalat dan lipas
- b) Keseluruhan premis hendaklah bebas daripada serangga dan haiwan rodensia serta haiwan peliharaan.

Syarat-syarat dan Peraturan Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pemegang Lesen Premis Perniagaan Di Bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Perniagaan , Tred dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Selayang) 2007.

---

**1. LESEN**

- .....|
1. Lesen yang diluluskan tidak boleh dipinah milik tanpa kelulusan dan hendaklah dipamerkan setiap masa di premis yang diluluskan.
  2. Lesen ini boleh dibatalkan tanpa sebarang notis oleh Majlis Perbandaran Selayang.

**2. KEBERSIHAN**

- .....|
1. Kebersihan hendaklah dijaga selalu dan sebarang tumpahan cecair hendaklah disapu bersih.
  2. Tong sampah yang sesuai hendaklah digunakan
  3. Tandas dan bilik air hendaklah bersih

**3. KESELAMATAN**

- .....|
1. Pencahayaan dan ganti udara hendaklah cukup.
  2. Alat pencegahan kebakaran hendaklah disediakan
  3. Setor dan tangga serta pintu kecemasan hendaklah diselenggara dengan baik.
  4. Sila pasang notis "DILARANG MEROKOK" , di kawasan setor dan ruang makan berhawa dingin.

**4. PEMBUANGAN SAMPAH/SISA PEPEJAL**

- .....|
1. Sampah dan bahan sisa pepejal kilang hendaklah dibuang ke tempat yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Selayang.
  2. Penyaliran bahan buangan ke tempat awam adalah dilarang dan hendaklah diselenggara dengan baik.

**5. KAWALAN PENCEMARAN BAU/BUNYI/HABUK/ASAP**

- .....|
1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala syarat yang telah dimaklumkan oleh agensi yang berkaitan seperti Jabatan BOMBA/ Jabatan Kilang dan Jentera/ Jabatan Alam Sekitar atau mana-mana Jabatan yang berkaitan.

**6. LAIN-LAIN**

- .....|
1. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan gambar-gambar Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agung dan Permaisuri Agung dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah Selangor.
  2. Pada hari-hari Kebesaran Negeri dan Kebangsaan, bendera Negeri Selangor dan Bendera Malaysia hendaklah dikibarkan.
  3. Lain-lain syarat dalam kad lesen.

**7. PENALTI**

- .....|
1. Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dikenakan denda RM 2000.00 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya sekaligus denda tambahan RM200,00 setiap hari kesalahan.